



## TEMA 5

### NOMBOR, ANGKA DAN ALAMAT



Anda akan dapat belajar mengenai,


- ✓ Penggunaan nombor dan angka yang betul
- ✓ Nombor dan angka dalam harga dan alamat
- ✓ Cara menyatakan alamat tempat tinggal


# NOMBOR DAN ANGKA




Terdapat penggunaan nombor dan angka dalam mata wang dan alamat sebagaimana berikut.





## MATA WANG MALAYSIA

Ringgit Malaysia (RM)	
SYILING Sen (¢)	
lima sen (5 ¢)	
sepuluh sen (10 ¢)	
dua puluh sen (20 ¢)	

<p>lima puluh sen (50 ¢)</p>	
<p><b>WANG KERTAS</b> <b>Ringgit (RM)</b></p>	
<p>satu ringgit (RM1.00)</p>	 <p>(Bank Negara Malaysia <a href="http://www.bnm.gov.my">http://www.bnm.gov.my</a>)</p>
<p>lima ringgit (RM5.00)</p>	 <p>(Bank Negara Malaysia <a href="http://www.bnm.gov.my">http://www.bnm.gov.my</a>)</p>
<p>sepuluh ringgit (RM10.00)</p>	 <p>(Bank Negara Malaysia <a href="http://www.bnm.gov.my">http://www.bnm.gov.my</a>)</p>

<p>dua puluh ringgit (RM20.00)</p>	 <p>(Bank Negara Malaysia <a href="http://www.bnm.gov.my">http://www.bnm.gov.my</a>)</p>
<p>lima puluh ringgit (RM50.00)</p>	 <p>(Bank Negara Malaysia <a href="http://www.bnm.gov.my">http://www.bnm.gov.my</a>)</p>
<p>seratus ringgit (RM100.00)</p>	 <p>(Bank Negara Malaysia <a href="http://www.bnm.gov.my">http://www.bnm.gov.my</a>)</p>

Jenis	Gambar	Contoh alamat
-------	--------	---------------

<p>Rumah</p>	 <p><i>(<a href="https://www.mycensus.gov.my/eglosaritk/101.php">https://www.mycensus.gov.my/eglosaritk/101.php</a>)</i></p>	<p>Lot 153</p>
<p>Blok</p>	 <p><i>(<a href="https://my.worldorgs.com/katalog/beranang/bangunan-pangsapuri/baiduri-apartment-blok-b">https://my.worldorgs.com/katalog/beranang/bangunan-pangsapuri/baiduri-apartment-blok-b</a>)</i></p>	<p>Blok B</p>
<p>Jalan</p>		<p>Jalan 8/30A</p>

	<p><a href="http://great6tm.blogspot.com/2016/12/taman-perumahan-pilihan.html">http://great6tm.blogspot.com/2016/12/taman-perumahan-pilihan.html</a></p>	
<p>Jenis rumah/taman</p>	 <p><a href="https://www.carousell.com.my/p/with-pool-pangsapuri-anggun-seksyen-4-bandar-baru-bangi-1143556588/">https://www.carousell.com.my/p/with-pool-pangsapuri-anggun-seksyen-4-bandar-baru-bangi-1143556588/</a></p>	<p>Pangsapuri Anggun</p>
<p>Kawasan/daerah</p>	 <p><a href="https://www.wikiwand.com/ms/Daerah_Lahad_Datu">https://www.wikiwand.com/ms/Daerah_Lahad_Datu</a></p>	<p>Lahad Datu</p>
<p>Poskod</p>	 <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/nama-jalan-ditukarkan-nama-wira-negara-tidak-didandang-55646">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/nama-jalan-ditukarkan-nama-wira-negara-tidak-didandang-55646</a></p>	<p>50470</p>

Negeri	 <p data-bbox="478 730 1110 788"><i>(<a href="https://selongkar10.blogspot.com/2021/05/koleksi-papan-tanda-sempadan-negeri-di.html">https://selongkar10.blogspot.com/2021/05/koleksi-papan-tanda-sempadan-negeri-di.html</a>)</i></p>	Perak.
--------	---	--------

### **Contoh alamat lengkap:**

No. 4, Blok B, Jalan 6,  
Pangsapuri Indah,  
Semenyih,  
43000 Selangor.

## MARI BERTUTUR

Sila baca, dengar (Audio) dan tonton (Video) dengan teliti berkenaan situasi pertuturan di bawah. Seterusnya, sila berlatih bertutur semula.

Audio dan video boleh didapati dalam laman web KPBM.

*\*Rakaman video menggunakan sebutan tidak baku. Jadi, akan ada sedikit perbezaan dengan skrip menggunakan Bahasa baku Bahasa Melayu di bawah.*

### **Situasi 5.1 Maklumat Diri untuk Membuka akaun simpanan di Bank**

Latar tempat: Kaunter Perkhidmatan Pelanggan di Bank

Pegawai bank : Selamat pagi, encik. Boleh saya bantu?

Pelanggan : Selamat pagi. Saya hendak membuka akaun simpanan

Pegawai bank : Baik. Boleh encik berikan kad pengenalan?

Pelanggan : Boleh. Ini kad pengenalan saya.

Pegawai bank : Nombor kad pengenalan encik 960420135431. Betul?

Pelanggan : Ya, betul. Nombor kad pengenalan diri saya ialah  
960420135431.

Pegawai bank : Boleh encik berikan alamat tempat tinggal encik di  
sini?

Pelanggan : Boleh. C512, Pangsapuri Harmoni, 43500 Semenyih,  
Selangor.

Pegawai bank : Boleh berikan saya nombor telefon encik?

Pelanggan : Boleh. 012-1234567.

Pegawai bank : Sebentar ya. Baik, akaun simpanan encik telah aktif.

Pelanggan : Terima kasih.

Pegawai bank : Sama-sama.



## Situasi 5.2 Membeli-belah

Latar tempat: Sebuah kedai menjual pakaian

Jurujual : Ya, abang. Cari apa?

Pelanggan : Berapakah harga baju ini?

Jurujual : Oo, baju ini berharga RM40 sahaja.

Pelanggan : Boleh kurang?

Jurujual : Maaflah abang, harganya tetap sebab kainnya berkualiti.

Pelanggan : Ada yang lebih murah?

Jurujual : Ada. Baju ini berharga RM28.90 sahaja tetapi, kainnya agak nipis sedikit. Kalau abang hendak, saya boleh bagi dengan harga RM25.

Pelanggan : Baiklah, saya pilih baju ini. Berikan saya lima pasang dengan saiz M.

Jurujual : Semuanya RM125.

Pelanggan : Ini wangnya.

Jurujual : Baik, terima kasih.

Pelanggan : Sama-sama.

# LATIHAN

## Latihan 1

Padankan A dan B dengan jawapan yang sesuai.

NOMBOR
12
9
45
596
4
22
11
10
97
156

PERKATAAN
seratus lima puluh enam
sembilan
dua belas
sembilan puluh tujuh
empat puluh lima
sepuluh
sembilan puluh tujuh
dua puluh dua
lima ratus Sembilan puluh enam
sebelas

## Latihan 2

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

NOMBOR	PERKATAAN
19	
50	
919	
	tujuh
1234	
	Sembilan puluh sembilan
5	
	Dua puluh lima
101	
48	

## Latihan 3

Nyatakan nilai wang di bawah.

 Two 5-sen coins are shown side-by-side. The left coin is the reverse side, featuring the national emblem of Malaysia. The right coin is the obverse side, showing the number '5', the word 'SEN', and the year '2018'.	lima sen
--	----------



### Latihan 4

Nyatakan jumlah wang di bawah.



## Latihan 5

Tulis alamat tempat tinggal anda.

<b>Nama penerima:</b> Ahmad bin Abu	SETEM
<b>Alamat:</b>	
_____	
_____	
_____	